

## **Perubahan Struktur Ekonomi**

**oleh Dr Zulkiply Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Semenjak merdeka, Malaysia telah mengalami beberapa fasa perubahan struktur ekonomi. Bermula dari pergantungan kepada komoditi pertanian sebagai punca utama pertumbuhan ekonomi di abad selepas merdeka, hingga ke pergantungan kepada ilmu pengetahuan sebagai sumber pertumbuhan ekonomi kini. Fasa pergantungan kepada ilmu pengetahuan sebagai penggerak ekonomi bermula pada awal abad ini.

Sebelum fasa pergantungan kepada ilmu pengetahuan, struktur ekonomi telah melalui fasa dorongan industri semenjak abad 70an. Ianya bermula dengan industri ringan sebagai dasar gantian import. Dasar ini, walau bagaimanapun, tidak mapan disebabkan oleh pasaran domestik yang kecil. Justeru, kesinambungan dasar ini merupakan dasar promosi eksport. Pelaburan terus asing digalakkan untuk membuka kilang mereka di Malaysia dan hasil keluaran mereka dieksport ke seluruh dunia. Dasar ini berjaya kerana Malaysia mempunyai persekitaran yang bersesuaian ketika itu untuk pelaburan industri, disokong pula oleh keperluan syarikat gergasi dunia untuk mendapatkan ekonomi berskala sambil meminimumkan kos pengeluaran mereka.

Sambil itu Malaysia masih meneruskan dasar gantian import secara selektif memfokuskan kepada industri-industri berat yang dipelopori oleh negara. Industri tersebut termasuk automotif, petrokimia dan besi dan keluli diceburi melalui kerjasama dengan syarikat ternama antarabangsa. Pelaburan di dalam industri begini berintensif modal, berteknologi tinggi serta memerlukan kepakaran yang tinggi.

Perubahan struktur ekonomi yang dilalui oleh negara bukan berlaku secara tersendiri tetapi berdasarkan kepada beberapa ciri penting. Pertama, ianya adalah didorong oleh

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

dasar kerajaan. Kedua, ekonomi berada di dalam persekitaran yang bersesuaian untuk melaksanakan dasar-dasar yang berkenaan.

Oleh yang demikian, kejayaan Malaysia melaksanakan dasar yang berbeza yang seterusnya merubah struktur ekonomi untuk memacu pertumbuhan berterusan adalah berkait rapat dengan keadaan persekitaran. Pelabur-pelabur asing mestilah mempunyai minat untuk melabur di Malaysia dan keadaan persekitaran mestilah bersesuaian. Manakala, negara memerlukan pelabur asing bukan sahaja kerana keperluan modal yang besar, tetapi yang lebih penting adalah keperluan teknologi yang tidak dimiliki negara.

Untuk menggalakkan pelabur asing melabur dengan teknologi yang bersesuaian, sumber di dalam negara mesti mampu menampung proses pengeluaran mereka. Sumber yang diperlukan termasuk sumber asli yang perlu untuk proses pengeluaran, malah yang lebih penting adalah sumber modal manusia. Untuk menggalakkan pelaburan berteknologi tinggi, sudah tentu kemahiran tenaga kerja yang tinggi diperlukan.

Sejarah pembangunan ekonomi Malaysia menunjukkan bahawa perubahan struktur adalah perlu untuk pertumbuhan ekonomi dan penciptaan peluang pekerjaan yang berterusan. Pergantungan kepada pelabur asing juga penting untuk menggalakkan perubahan struktur, terutamanya yang melibatkan pembangunan industri. Oleh itu, dasar memperluaskan sumber pertumbuhan ekonomi merangkumi perindustrian adalah merupakan titik perubahan yang amat penting di dalam sejarah perkembangan ekonomi Malaysia. Jika tidak, negara terus terdedah kepada keadaan turun-naik pengeluaran dan harga komoditi, walau pun negara kaya dengan sumber asli.

Pembangunan modal insan juga perlu berterusan untuk menampung keperluan kepakaran untuk pembangunan industri yang berterusan. Syarikat-syarikat asing tidak mempunyai nilai emosi untuk mereka terus mengekalkan proses pengeluaran mereka di Malaysia. Mereka akan berhijrah ke mana-mana negara yang boleh menandingi daya saing Malaysia. Faktor utama mendorong pelaburan mereka adalah kos yang minimum. Oleh itu, kemahiran tenaga kerja perlu ditingkatkan dari masa ke semasa mengikut keperluan industri. Sehingga kini, Malaysia dilihat mampu mengimbangi

keperluan kepakaran industri. Namun demikian, ianya semakin mencabar dengan peningkatan pelaburan yang berteknologi tinggi.

Pengajaran yang paling penting perlu dipelajari dari sejarah perkembangan ekonomi negara adalah pertumbuhan modal insan merupakan sumber terpenting untuk pertumbuhan ekonomi. Dasar pembangunan industri mampu mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan menyediakan peluang pekerjaan. Namun tanpa sokongan dari pembangunan modal insan, pembangunan industri tidak mungkin berjaya. Hakikatnya, pembangunan modal insan masih perlu walaupun tanpa dasar perindustrian.

Pengajaran kedua yang perlu diberi perhatian adalah kebergantungan kepada modal dan teknologi asing sentiasa mempunyai limitnya. Secara relatifnya agak mudah untuk membeli teknologi rendah dari orang lain. Namun tidak mudah untuk membeli teknologi tinggi. Justeru, mudah untuk mendapatkan pemindahan teknologi rendah untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Namun semakin maju sesebuah ekonomi, semakin sukar untuk mendapatkan proses pemindahan teknologi yang bertaraf tinggi kerana ini merupakan sumber strategik bagi negara-negara maju.

Hakikat ini perlu diambil perhatian di dalam usaha kita menuju ke status negara maju. Pembangunan modal insan mestilah disasarkan ke tahap tertinggi supaya mampu menggembungkan pertumbuhan ekonomi berterusan. Modal insan yang dibangunkan pula perlu dimanfaatkan dan digilap oleh ekonomi.

Fasa pergantungan kepada ilmu pengetahuan sebagai penjana pertumbuhan ekonomi bermula semenjak awal abad ini adalah merupakan arah yang betul di dalam mengharungi pertumbuhan ekonomi masa hadapan. Cuma pengertiannya perlu diterjemahkan dengan lebih bermakna. Apakah bezanya dengan fasa perindustrian yang juga melibatkan pertumbuhan modal insan yang berilmu pengetahuan?

Untuk memaksimumkan pertumbuhan ekonomi berpaksikan ilmu pengetahuan, keupayaan modal insan perlu diserlahkan. Tenaga kerja dengan kelulusan yang sama tidak semestinya mempunyai bakat yang sama. Bakat setiap tenaga kerja inilah yang perlu diserlahkan untuk mendapat sumbangan mereka yang maksimum.

Usaha dari semua pihak perlu digembleng untuk memanfaatkan bakat setiap tenaga kerja. Kerajaan perlu menggubal dasar untuk mencungkil bakat individu. Pihak majikan perlu mempunyai budaya menggilap dan memberi ganjaran yang setimpal ke atas setiap bakat pekerja mereka. Para individu juga perlu mempunyai budaya meningkatkan dan menyerlahkan bakat mereka. Jika budaya sebegini dapat dibentuk di dalam masyarakat, maka daya keusahawanan yang tinggi dapat diwujudkan di dalam ekonomi.

Pembentukan daya keusahawanan di dalam ekonomi mampu menjana pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). PKS pula merupakan penyumbang terpenting kepada pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan di kalangan negara-negara maju. Malah peluang pekerjaan yang disumbangkan oleh sektor kerajaan dan syarikat-syarikat besar kini tidak mampu untuk menyerap tenaga kerja yang dihasilkan di dalam negara. Bukan itu sahaja, sering juga terdapat ketidaksepadanan di antara permintaan dan penawaran tenaga kerja. Justeru, terdapat pekerja yang bekerja dengan pekerjaan yang salah, iaitu tidak berdasarkan kepakaran mereka.

Fenomena graduan menganggur sering kedengaran kini. Oleh itu, langkah untuk menggalakkan graduan menyerlahkan keusahawanan mereka adalah bertepatan. Setiap graduan perlu digilap supaya mampu mempraktikkan bakat mereka dengan membangunkan PKS yang bersesuaian. Dengan ini, mereka bukan sahaja mampu mencipta peluang pekerjaan untuk diri mereka, malah untuk ramai lagi pekerja-pekerja lain terutama yang kurang berkemahiran. Akhirnya, pertumbuhan ekonomi yang mapan dapat dicipta untuk mengharungi sebuah ekonomi maju yang bakal dicapai.